

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 22 RABU 28 MEI, 1969 1389 ربيع الاول 11 رابو PERCHUMA

D.Y.M.M. TIDAK BERNIAT HENDAK MEMBAWA PEMIMPIN PARTI POLITIK DALAM PERUNDINGAN DGN. KERAJAAN BRITISH

BANDAR BRUNEI — Dua orang pegawai Istana telah mensifatkan sebagai tidak menasabah untuk di-terima satu usol yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar dalam persidangan Majlis Mashuarat Negeri yang baru lalu.

Pada mula-nya, Yang Berhormat Pengiran Md. Yusof telah menandatangani supaya Kerajaan memasukkan pemimpin2 politik di-dalam sebarang perundingan yang akan diadakan dengan Kerajaan British mengenai dengan masa depan perlembagaan negeri.

Kedua2 orang pegawai Istana itu, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Setia Haji Awang Umar dalam sa-buah kenyataan bersama berkata:

"Tersebut dalam akhbar Borneo Bulletin keluaran 10 Mei yang lalu bahawa satu usol yang di-bawa oleh Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar menyeru supaya wakil2 parti politik mengambil bahagian di-dalam semua perundingan yang di-adakan dan dalam akhbar Straits Times keluaran 5 Mei lalu pula ada menyatakan bahawa Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar menandatangani supaya

Kerajaan memasukkan pemimpin politik di-dalam sebarang perundingan yang akan di-adakan dengan Kerajaan British mengenai dengan masa depan perlembagaan negara.

Sa-bagai usol yang di-nyatakan itu ada-lah tidak menasabah untuk di-terima.

Menurut berita yang sah dari Istana, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dengan izin Allah di-sepanjang perundingan Duli Yang Di-Pertuan dengan Kerajaan Baginda Queen atau Kerajaan British, tidak berniat hendak membawa baik ketua atau pemimpin parti politik sama ada ketua atau pemimpin parti itu menjadi ahli majlis mashuarat daerah maupun yang menjadi ahli majlis mashuarat negeri".

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan meluluskan undang2 Zakat Fitrah bagi orang2 Islam di-negeri ini.

Undang2 tersebut berjalan kuatkuasa mulai 1 Januari tahun ini.



Gambar menunjukkan Awang Carvalho sedang memeriksa barisan yang terdiri dari anggota2 polis yang telah tamat menjalani kursus ulang kaji di-Pusat Latihan Polis di-Berakas pada minggu lepas.

Ka-England kerana rawatan

BANDAR BRUNEI—Awang Tahir bin Tujoh telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk mendapat rawatan penyakit buah pinggang.

Awang Tahir berumur 20 tahun dan bekerja di-Jabatan Pertanian.

Pemangku Pengarah Perubatan dan Kesihatan, Dr. I.G. Singh berkata, semua perbelanjaan rawatan termasuk tambang kapal terbang, di-bayar oleh kerajaan.

Awang Tahir ada-lah orang yang kedua di-hantar ka-United Kingdom untuk mendapatkan rawatan yang sama.

Undang2 Zakat Fitrah di-luluskan

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Agama berkata, dengan ada-nya kuat kuasa undang2 zakat fitrah itu, orang2 Islam di-negeri ini tidak lagi akan membayar zakat fitrah mereka kepada sebarang orang seperti yang berlaku pada masa2 yang lampau, sa-belum ia-nya di-kuatkuasakan.

Pulis di-seru: Jalankan tugas tanpa mementingkan diri sendiri

BERAKAS. — Timbalan Pengusaha Pulis, Awang B.M.G. Carvalho berkata, sa-orang anggota pulis yang bertanggung jawab bagi mengekalkan undang2 dan ketenteraman di-dalam negeri mesti-lah sentiasa menjalankan tugas tanpa mementingkan diri sendiri.

Beliau berkata demikian ketika berucap bagi pehak Pesuruhjaya Pulis kepada 30 orang anggota pulis di-upacara perbarisan tamat latihan bagi anggota pulis itu di-Pusat Latihan Polis di-Berakas pada hari Sabtu lepas.

Anggota pulis itu telah menamatkan kursus ulang kaji sa-lama lapan minggu di-pusat tersebut.

Awang Carvalho memberitahu anggota2 pulis itu supaya mempunyai tingkah laku yang baik untuk menjaga nama baik pasukan Polis Di-Raja Brunei.

Sa-masa menjalani kursus, anggota pulis itu telah di-ajar dalam semua aspek tugas pulis termasuk undang2, kewajipan pulis, berkuat menentang rusuhan, latihan menggunakan senjata dan peratoran pulis.

Sa-lepas memeriksa barisan yang terdiri dari anggota pulis itu, Awang Carvalho telah menyampaikan sijil2 kepada pelatih2 yang terbaik.

Sijil pelatoh yang terbaik telah di-hadiahkan kepada P.C. 609 Ahmad bin Metassan, sijil kerana undang2 dan tugas pulis yang terbaik di-hadiahkan kepada P.C. 600 Othman bin Yakub sementara P.C. 468 Abdul Rashid bin Ibrahim di-hadiahkan sijil kerana latihan jasmani dan kawat rusuhan yang terbaik.

Kursus yang sama bagi 30 orang anggota yang lain akan di-mulakan pada 1 Jun hadapan.

Majlis Ugama Islam akan melantek pegawai2 untuk menjalankan urusan pendaftaran semua penduduk yang beragama Islam di-negeri ini dan mereka juga akan menjalankan kutipan zakat fitrah dan membahagikan hasil kutipan itu kepada orang2 Islam yang berhak menerima-nya.

Peraduan2 tarian, lagu2 asli Brunei dan derama

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Kebajikan Masyarakat akan menganjorkan peraduan tarian asli, lagu2 asli Brunei dan derama yang berchorak kebudayaan kebangsaan Brunei bersempena dengan pembukaan rasmi bangunan baru Pusat Belia di-Bandar Brunei dalam bulan Julai hadapan.

Empat buah tarian dan empat buah lagu asli Brunei telah ditetapkan untuk dipertandingkan.

Tarian2 itu ialah Adai2, Semalindang, Anding dan Zapin.

Lagu2 asli ialah Halus Jua Lindang, Madayat, Suliram dan Dundang.

Sementara peraduan derama pula mesti-lah yang berchorak sejarah Brunei sama ada yang pernah dipentaskan atau pun belum, tetapi

Perabot2 untuk balai2 raya

PEKAN TUTONG. — Jabatan Kerja Raya, akan menyiapkan kerja-nya melengkapkan 17 buah balai raya di-Daerah Tutong, dalam masa dua minggu lagi.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kerja Raya berkata, harga semua alat2 perabot itu ialah kira2 \$16,500.

Sa-puluh di-antara 17 buah balai raya itu, yang telah dilengkapkan dengan alat2 perabot itu ialah di-Sinaut, Kupang, Luagan Dudok, Penanjong, Tanjong Maya, Lubok Pulau, Kampong Birau, Lamunin, Kampong Keriam dan Sengakarai.

Tujuh buah yang lain-nya akan di-lengkapi dengan alat perabot dalam masa dua minggu lagi.

Tiap2 balai raya akan mempunyai dua buah meja makan, 12 kursi, sa-buah meja tulis dan 24 buah bangku.

Balai2 raya di-Danau dan Telisai telah pun di-lengkapi dengan alat2 perabot.

11 buah balai raya di-bena di-Daerah Temburong

TEMBURONG. — Sa-belas buah balai raya telah di-bena sa-takat ini di-Daerah Temburong di-bawah projek pembangunan luar Bandar daerah itu.

Sa-orang juruchakap Jabatan Daerah berkata sa-buah balai raya akan juga di-bena di-Kampong Menengah tidak berapa lama lagi.

Juruchakap itu berkata tapak bagi pembenaan balai raya baru itu telah di-lulus-

derama2 itu tidak boleh mengandungi dailog yang berchorak siasah dan menyentoh peribadi.

Tarian Adai2 hendak-lah di-tarikan oleh 4 orang lelaki dan empat orang wanita. Lelaki hendak-lah memakai sa-perampun hitam, memakai topi (seraong bentan) dengan melilitkan kain kesuma merah di-kepala serta memegang pengayoh.

Wanita-nya pula hendak-lah memakai baju kebaya panjang dan berkain songkit, memakai sesandang dan berbunga melor di-atas kepala.

Tarian Semalindang terdiri dari lima wanita sahaja dengan memakai baju kebaya panjang dan berkain songkit serta memakai sesandang dan memegang kipas.

Tarian Anding terdiri dari lima orang wanita juga dengan memakai baju kebaya panjang dan berkain songkit dan memakai sesandang.

Tarian Zapin hendak-lah ditarikan oleh lima pasangan lelaki dan wanita. Lelaki-nya berpakaian chara Melayu lengkap dan wanita-nya pula hendak-lah memakai baju kebaya panjang.

Tiap2 tarian hendak-lah di-tarikan tidak lebih dari tujuh minit peserta2 tidak di-benarkan memakai kasut atau selipar.

Peraduan2 ini ada-lah terbuka kepada semua persatuan2 belia di-seluruh negeri. Borang2 masok bertanding boleh di-dapati daripada Pemangku Pengawas Persatuan2 Belia, Awang Md. Yasin bin Mohd. Said di-Pejabat Kebajikan Masyarakat, Brunei.

Borang2 masok hendak-lah di-sampaikan tidak lewat dari 1 Julai, 1969.

Jika terdapat banyak persatuan2 yang masok bertanding, satu pemilehan akan di-adakan.

Sambutan Maulud di-Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Daerah Tutong akan meraikan hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. pada 20 Jun dengan satu perarakan mengelilingi Pekan Tutong.

Sa-orang juruchakap jawa-

tan kuasa sambutan, Awang Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Mohammad Safar berkata, perarakan tersebut akan di-bahagikan kepada empat bahagian ia-itu persatuan2 belia dan penuntut2 sekolah menengah lelaki dan perempuan, sekolah2 rendah lelaki dan perempuan, orang2 kampung lelaki dan perempuan dan satu pasukan suka rela yang terdiri dari orang awam.

Awang Junaidi berkata, perarakan itu pada mula-nya akan berkumpul di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada jam 2.30 petang sa-belum memulakan perarakan mengelilingi Pekan Tutong.

Sa-telah selesai perarakan, semua pasukan yang mengambailah bagian akan berhimpun sa-mula di-padang itu untuk mendengar sharahan2 menge-

kan dan ranchangan pembedaan-nya sedang di-jalankan. Juruchakap itu berkata balai2 raya itu akan di-gunakan oleh penduduk2 kampung sebagai tempat mengadakan perjumpaan dan sa-bagai-nya.

Balai2 raya itu juga boleh di-gunakan sa-bagai dewan2 bagi tayangan wayang gambar atau pertunjukan pentas.

Juruchakap itu berkata jumlah harga ka-sebelas buah balai raya ada-lah kira2 \$144,000.



Awg. Abd. Wahab

Hadhiri kursus di-United Kingdom

BANDAR BRUNEI. —

Awang Abdul Wahab bin Mohammad, sa-orang Pembantu Ranchangan Kanan di-Perkhidmatan Melayu Radio Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-London pada minggu lalu untuk menjalani lathen sa-lama tiga bulan di-Britain Broadcasting Corporation.

Awang Abdul Wahab pernah mengikuti kursus lathen sa-lama enam bulan di-Radio Singapura dalam tahun 1962.

Tiga orang pembantu Ranchangan Radio Brunei yang lain-nya juga telah menghadiri kursus yang sama sa-lama enam bulan dalam tahun 1963.

Mereka ia-lah Awang Adnan bin Haji Hassan dari Bahagian Inggeris dan dua orang Pembantu Ranchangan Perkhidmatan Melayu, Dayangku Intan bte. Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong dan Dayangku Mariam bte. Pengiran Metali.

Lenchana2 sedang di-jual untuk kutip derma bagi Tabong

Kenangan Maulud

BANDAR BRUNEI. — Jawatankuasa Tabong Derma Kenangan Maulud telah mula menjual lenchana kenangan Maulud mulai 24 Mei lepas.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa tersebut berkata, tujuan menjual lenchana kenangan itu ia-lah untuk mengutip derma bagi tabong tersebut.

Juruchakap itu menambahkan, apabila wang dalam tabong itu menchukopi, jawatankuasa itu nanti akan mengeluarkan dermasiswa kepada penuntut Islam yang di-fikirkan perlu di-beri bantuan.

Lenchana2 kenangan Maulud itu akan di-jual dari rumah ka-rumah di-semua kampung serta di-tempat keramaian terutama dalam masa sambutan memperingati hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. yang akan datang.

Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menjual lenchana tersebut ka-kampung2 sementara penuntut2 dari Sekolah Menengah Arab akan menjual di-tempat2 awam.

Juruchakap itu juga menyeru kepada orang ramai terutama orang2 Islam supaya memberikan sumbangan dan kerjasama untuk menambahkan tabong tersebut.

nai kehidupan dan ajaran Nabi Mohammad s.a.w.

Borang2 untuk menyertai perarakan boleh di-dapati dari Che'gu Taha bin Md. Rauf di-Sekolah Melayu Muda Hashim dan Awang Zarkashi bin Haji Mohammad Yusof di-Pejabat Ugama, Tutong.

Borang2 masok bertanding hendak-lah di-hantar tidak lewat dari 5 Jun, 1969.

Pada sa-belah malam-nya pula akan di-adakan 'Pesta Maulud di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim mulai jam 8.00 malam.

Beberapa achara akan di-adakan dalam pesta tersebut, antara-nya termasuk-lah peraduan membaca sajak yang terbuka kepada semua persatuan2 belia dan Sekolah2 Menengah di-daerah itu, peraduan berzanji serta persembahan2 nashid.

KHUTBAH JUMA'AT

Nabi Mohammad s. a. w. penyibar ajaran2 untok kebahagiaan di-dunia dan di-akhirat

MENJELANG lagi bulan Rabi'ul Awal, datang-nya m e m bawa arti pada kita umat Islam sekalian, sa-tiap kali Rabi'ul Awal berulang, denyutan jantung kita bertambah kuat, semangat kita berkubar2, ingatan kita tertumpu kepada pemimpin agong Nabi Mohammad s.a.w. yang kita kasehi, yang kita cintai.

Ingatan kita tak kunjong padam kepada-nya, kerana baginda-lah manusia yang besar bakti-nya kepada dunia dan baginda-lah yang membawa ajaran2 yang sangat2 diperlukan oleh umat manusia dalam menempoh perjuangan hidup, ajaran2 itu di-sibarkan-nya untok kebahagiaan di-

Kerja menembok di-jalankan semula

BANDAR BRUNEI — Kerja2 pembenaan tembok2 sungai di-Jalan Residency di-kawasan Bandar Brunei telah di-teruskan lagi dan ia-nya di-jangka siap dalam masa 15 bulan.

Kerja2-nya meliputi pengan-tian beberapa bahagian tembok yang sedia ada yang di-anggap sa-bagai tidak memuaskan, dan kerja2 mendirikan tembok2 tambahan, untok menutup chelah2 yang tidak tertutup sa-jauh ini.

Tembok2 itu akan di-bena dari batu2 padat di-atas panchang kayu bakau atau kon-kret, kechuali di-sebahagian kecil di-mana memerlukan hanya batu2 menurut keadaan di-sungai itu.

Tembok2 akan di-dirikan lengkap sementara bahagian rendah akan di-isikan dan bahagian yang tinggi di-ratakan.

dunia dan di-akhirat bagi orang yang mengerti dan mengikutinya.

Kita berbangga kerana kita umat Islam sekalian menjadi pengikut Nabi Mohammad, kita bersukor ka-hadhrat Allah kerana kita menjadi pene-gak she'ar Islam yang di-ajarkan-nya, kepada Tohan kita bermohon agar ajaran2 Rasulullah s.a.w. itu akan kekal dan di-ikuti dengan sempurna-nya oleh pengikut2-nya yang setia.

Dengan menjelang-nya bulan Rabi'ul Awal, umat Islam di-seluruh dunia mengadakan sambutan2 bagi memperingati kelahiran Nabi yang agong itu, di-bulan Rabi'ul Awal yang mulia ini.

Sa-benar-nya ingatan sa-tiap orang Islam kepada Nabi yang agong itu ada-lah berakar umbi di-jiwa dan di-hati, hingga tidak dapat di-lupakan walau sa-detik pun, bagi orang Islam yang benar2 beriman kepada Allah dan rasul-nya kerana nama baginda terchantum dalam kelimah shahadat yang berbunyi: La-illa-ha-illah, Mohammad darasulullah.

Nama baginda juga sering di-dengar pada sa-tiap kali azan yang di-suarakan khas-nya dari menara2 masjid dan nama baginda telah di-abadikan oleh Tohan dalam kitab suci Al-Koran dengan di-ikuti oleh berbagai2 sifat yang terpuji, semua-nya ini menam-bahkan kaseh sayang kita kepada Nabi agong dan berjasa itu.

Dalam pada itu kita umat Islam hendak-lah benar2 mengerti dan faham kepada kedudukan kaseh sayang dan chinta kita kepada Nabi Mohammad s.a.w. itu. Jangan-lah hanya chinta di-mulut, tetapi lain di-hati, sa-bagaimana kata orang tua2 "bertanam tebu di-tepi bibir".

Apa yang di-kehendaki ialah keperchayaan atau iman yang subur yang mana di-ser-tai oleh amalan yang sunggoh dan sempurna, iman yang di-ikuti oleh perbuatan, iman dengan hati dan jiwa, iman yang sanggup berkorban dengan harta benda dan kalau perlu pengorbanan jiwa.

Mari-lah kita memperingati Rasulullah s.a.w. di-bulan



Rabi'ul Awal ia-itu dalam bulan mana baginda di-lahirkan dengan azam dan keperchayaan yang penoh yang di-ikuti oleh perbuatan baik menurut jejak langkah baginda, menghidupkan ajaran2 baginda, memakai akhlak dan kelakuan baginda dan mendirikan serta memelihara ajaran2 ugama Islam yang di-sibarkan oleh baginda.

Kerana kaseh sayang dan chinta kita kepada Nabi Mohammad yang agong itu tidak-lah berarti kalau kita hanya bermain2 dengan kata2, sedangkan hati kita tidak menerima ajaran-nya dan perbuatan kita bertentangan dengan ajaran2 baginda.

Tohan berfirman dalam suratul Al-Amran ayat 31 yang bermaksud:

"Katakan-lah wahai Mohammad, kalau benar kamu kaseh dan chintakan Tohan turut-lah aku, nescaya kamu akan di-kasehi dan di-chintai oleh Tohan dan Tohan akan mengampunkan dosa2 kamu dan Tohan itu pengampun dan penayang".

MAULUD NABI DI-DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT. — Umat Islam di-Daerah Belait akan menyambut Maulud Nabi pada hari Sabtu 7 Jun, dengan mengadakan satu perarakan mengelilingi Pekan Seria mulai pukul 2.00 petang.

Sa-orang juruchakap jawatan-kuasa sambutan itu berkata, pendaftaran sudah pun di-mulakan untok menerima mereka yang ingin mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Persatuan2 belia, jabatan2 kerajaan, kampung, sekolah2, maktab dan lain2 kumpulan Islam di-daerah itu, ada-lah di-persilakan menyertai-nya.

Permohonan boleh-lah di-hantar kepada Pejabat Ugama di-Kuala Belait.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 28 Mei, 1969 hingga ka-hari Selasa 3 Jun, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
28 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
29 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
30 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
31 Mei	12-23	3-42	6-34	7-46	4-36	4-51	6-06
1 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06
2 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06
3 Jun	12-25	3-45	6-35	7-47	4-37	4-52	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



28 Mei, 1969.

TIDAK "BERPERAWIS"

SA-SUATU yang di-kemudian kemudian menimbulkan satu riaksi hingga melahirkan anggapan sa-umpama menisfatkan-nya tidak berasas ada-lah berdasarkan pandangan dan pendapat yang mungkin timbul dari kajian2 dan penelitian2 dari jurusan2 yang tertentu yang mempunyai pengaruh yang besar atau pun dari jurusan adat yang di-dukong.

Sa-bagai sifat manusia ada-lah tidak lari dari kekhilapan2 yang kadang2 dari kekhilapan2 itu bisa pula menimbulkan kesan yang kurang baik. Walau pun begitu manusia ada-lah mempunyai keistimewaan yang membawa manusia itu hidup sentiasa dalam keadaan yang harmoni, kalau keistimewaan itu dihormati dengan sa-baik2-nya. Itu-lah dia "adat" yang sa-bahagian besar-nya masih perlu di-pelihara dan di-hormati yang di-anggap tidak luntor persesuaian-nya dalam menghadapi chabaran2 dunia yang penuh dengan kemajuan sains dan teknologi ini.

Ruangan ini tidak-lah bertujuan untuk mengulas hanya sekadar memberikan penerangan2 yang perlu di-ketahui oleh rakyat negeri ini berhubung dengan usol Yang Berhormat Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar dalam majlis mashuarat negeri yang lalu yang menandatangani supaya Kerajaan membawa pemimpin2 politik di-dalam sebarang perundingan yang akan di-adakan dengan Kerajaan British mengenai dengan masa depan perlembagaan negeri.

Usol itu telah di-sifatkan oleh dua orang pegawai Istana ia-itu Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri sa-bagai tidak menasabah.

Dalam satu pertemuan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja telah memberikan pandangan2 lanjut-nya yang pada keseluruhannya di-dasarkan kepada amalan2 "adat" yang di-hormati oleh rakyat negeri ini yang sentiasa memelihara dan memupok semangat taat setia mereka kepada Raja sa-bagai kepala negara dan tempat rakyat berlingdong.

Keperchayaan rakyat ada-lah tertumpu kepada kebijaksanaan Baginda untuk memimpin negara ini ka-arah chita2 yang di-idamkan mereka yang se-jajar pula dengan hasrat Baginda yang bukan hanya untuk memperjuangkan masa depan perlembagaan negeri bahkan juga untuk mengembangkan nama Brunei dalam berbagai2 bidang termasuk untuk kebahagiaan rakyat.

Jadi usol itu di-buat dapat-lah di-katakan sapertimana yang di-katakan oleh orang2 Brunei sa-bagai tidak "berperawis" lagi dan maksud-nya sama2-lah kita tinjau dengan kepala yang dingin dan dengan itu dapat-lah di-pelihara perpaduan rakyat negeri ini di-sepanjang masa.

Maulud Nabi: suasana dan kesan-nya

oleh

Malai Ahmad Murad
bin Syed Mashhur

Badan Penerangan
Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

12 RABI'UL AWAL ada-lah merupakan tarikh yang bersejarah bagi seluruh umat Islam di-serata dunia. Kerana pada tarikh ini-lah lahir-nya pemimpin dan utusan Tohan Nabi Mohammad s.a.w. yang telah berjaya menyebarkan ajaran2 Al-Quran dan membentangkan hukum2 Tohan kepada seluruh manusia. Hari yang bersejarah ini dikenang oleh seluruh umat Mohammad di-merata dunia kerana dengan sendiri-nya daya penggerak untuk melaksanakan sambutan perayaan tersebut menjadi darah daging umat Islam dari segala golongan. Ini ada-lah sudah sa-pantas-nya di-lakukan dan amat membanggakan. Andai-nya terdapat sa-buah sa-buah negara atau bangsa atau pun sa-buah negara beraja mengingati hari keputeraan pemimpin dan raja-nya dengan sambutan yang meriah, maka apa yang di-lakukan oleh umat Islam terhadap Nabi dan pemimpin manusia ini ada-lah suatu hal yang wajar dan galak lahir rasa cinta dan kaseh sayang mereka.

Sebab itu tidak asing lagi bagi negara2 Islam di-seluruh dunia memperingati hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. dengan mengadakan sambutan2 dan perayaan2 yang menyenangkan.

Apabila rasa cinta suatu bangsa terhadap pemimpin-nya lahir maka untuk memperingati - nya di - semadikan ukiran atau patong-nya dan juga nama-nya sa-bagai tanda hormat mereka. Tetapi hal serupa ini jauh berbeza sekali dari apa yang di-rasakan oleh umat Islam terhadap Nabi mereka, kerana ugama dan perasaan beribadah lebeh memikat hati mereka dari patong yang kakn!

Permulaan Sambutan Maulud

Bila-kah sambutan Maulud yang mula2 di-adakan? Menurut sa-Sakhawi permulaan sambutan Maulud telah di-adakan sa-lepas kurun ketiga Hiiarah. Dan menurut ibnul Juzi pula Sultan Islam yang mula mengadakan sambutan Maulud ia-lah Al-Malikul Muza'ffar Abu Sa'ad kepala pemerintah Negeri Erbile. Baginda juga telah mengurniakan kepada ibnul Juzi wang sa-banyak sa-ribu dinar atas usahanya menulis sha'er memuji Nabi Mohammad s.a.w dalam buku-nya yang bernama "At-Tanwir". Menurut Al-Hafiz Ibnul Hajar sambutan Maulud telah di-adakan menurut istibat yang thabit dari riwayat

RENCHANA ini di-siarkan dengan ikhsan Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei bagi mengalu2kan sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. yang akan berlangsung esok, 12 Rabi'ul Awal, 1389 bersamaan dengan 29 Mei, 1969.

Renchana ini telah membentangkan sejarah permulaan sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. dan faedah2 yang di-dapat kerana-nya serta Maulud dari segi kemuliaan-nya.

Bukhari dan Muslim tentang pertanyaan Nabi ka-atas kaum Yahudi yang berpuasa pada hari 'ashura. Mereka menjawab bahawa pada hari itu-lah Tohan telah membinaasakan firoun dan menyelamatkan Nabi Musa a.s. dan mereka bershukur atas itu. Mendengar jawapan itu Nabi lantas menjawab: "Kami ada-lah lebeh utama untuk mengerjakan-nya dari kamu". Juga Nabi pernah mendoakan Abu Lahab supaya meringankan azab ka-atas-nya kerana tindakan-nya membebaskan sahaya perempuan-nya bernama Thu'ailah yang membawa perkhabaran tentang keputeraan Nabi Mohammad s.a.w.

Dalam buku "Majmu' Maulidi Sharafil Anam" terdapat satu riwayat oleh Abdul Wahid bin Ismail berbunyi: Di-negeri Mesir ada sa-orang lelaki mengadakan sambutan Maulud dan satu keluarga Yahudi senantiasa memerhatikan perbuatan-nya itu. Isteri Yahudi tadi ingin benar mengetahui perkara tersebut dan di-jawab oleh suami-nya bahawa sambutan itu ia-lah untuk memperingati dan menghormati keputeraan Nabi Mohammad. Pada malam-nya si-isteri bermimpi melihat sa-orang lelaki kacak dan gagah datang memasuki rumah lelaki jiran-nya tadi dan di-kelilingi oleh para sahabat dan orang2 kenamaan. Lantas si-isteri itu pun bertanya kepada salah sa-orang yang ada tentang lelaki yang tampak tadi.

"Itu-lah Rasulullah!" jawab-nya

"Ada-kah tuan fikir Baginda akan menyapa hamba kira-nya hamba menyapa-nya?" tanya si-isteri.

"Sudah tentu", jawab lelaki yang di-tanya.

Apabila isteri Yahudi itu mengadap Rasulullah maka ia pun berkata: "Wahai Rasulullah! Ada-kah tuan akan menyapa hamba andai-nya tuan hamba tegor sedang hamba bukan dari golongan mereka yang memasuki ugama tuan dan bukan juga dari mereka yang perchayakan tuan".

Lantas Rasulullah menjawab: "Demi Allah, hamba tidak akan menyapa puan sehingga Allah memberikan hidayah-nya kepada puan!"

Mendengar itu isteri Yahudi itu pun berkata: "Sesungguhnya tuan ada-lah Nabi yang mulia dan benar, serta mempunyai peribadi yang tinggi. Amat rugi-lah bagi mereka yang lari dari seruan tuan. Hamba menguchap — Tiada Tohan melainkan Allah dan Mohammad Pesuroh Allah". Dalam hati-nya ia berjanji akan bersedekah dan membuat sambutan Maulud pada esok hari-nya.

Ka-esokkan hari-nya isteri Yahudi itu terperanjat melihat suami-nya sedang bersiap2 untuk mengadakan sa-suatu sambutan. Apabila di-tanyakan hal tersebut suami-nya menjawab: "Aku membuat Maulud kerana tanda keshukuran-ku atas ka-Islaman-mu ditangan Nabi Mohammad s.a.w."

"Dari mana-kah kanda mengetahui-nya" tanya isteri-nya.

"Rasulullah yang telah mendengar ucapan shahadat-ku sa-lepas mu itu-lah yang mengkhabarkan kepada-ku".

Demikian-lah sambutan Maulud ini di-adakan di-mana2. Menurut kisah tadi dapat-lah kita ketahui bahawa sambutan Maulud telah tersebar sehingga ka-Negeri Mesir dalam zaman pemerintahan Kerajaan Fatimiah.

Bentuk perayaan Maulud

Bentuk2 dan chara2 sambutan Maulud sa-jauh yang telah di-ketahui ada-lah berlainan dari sa-buah negara Islam dan sa-buah negara Islam yang lain, juga sa-buah kelompok masharakat Islam dengan sa-buah kelompok masharakat Islam yang lain. Ini lebeh banyak di-pandang dari segi ekonomi dan suasana politik negara2 Islam itu Tetapi pada keseluruhannya sambutan2 yang di-adakan sekarang ini lebeh jauh berbeza dari yang di-adakan pada zaman sa-belum-nya.

(Lihat Muka 5)

Maulud Nabi: suasana dan kesan-nya

(Dari Muka 4)

Menurut Imam as-Subki beliau lebih suka mengadakan sambutan Maulud dengan mengumpulkan para ulama untuk mendengar pujian ka-atas Nabi Mohammad s.a.w. Menurut Imam Abu Shamah Shaikh an-Nawawi sa-baik2 sambutan Maulud ia-lah dengan bersedekah dan memakai pakaian2 yang indah tanda keshukuran atas kelahiran Nabi Mohammad s.a.w.

Menurut Sabth Ibnul Juzi pula pada masa pemerintahan Al-Malikul Muzaffar Abu Sa'id — baginda telah memerintahkan untuk menyediakan kambing sa-banyak 5,000 ekor, 10,000 ekor ayam, 100,000 kiju dan 30,000 pinggan penoh berisi kueh untuk dihidangkan kepada hadirin. Perbelanjaan untuk mengadakan sambutan itu memakan belanja sa-banyak 300,000 dinar. Ini kalau kita pandang sudah tentu membazir.

Sambutan2 yang di-adakan di-negara2 Islam sekarang ini terutama di-sebelah Asia seperti Indonesia, Malaysia, Ceylan dan Brunei ada-lah sa-chara sederhana sahaja seperti yang kita lihat sa-tiap tahun. Negeri2 yang maseh lagi mengamalkan sambutan2 seperti dalam zaman pemerintahan Al-Malikul Muzaffar tadi ia-lah negeri2 yang berdekatan seperti Somalia, Sudan, India, Pakistan, Maghribi dan negeri2 Afrika.

Dasar-dasar hukum

Apa-kah hukum sambutan Maulud Nabi s.a.w.? Hukum sambutan Maulud Nabi sa-benar-nya tidak terdapat dalam Al-Quran atau pun Sunnah Nabi, kerana seperti yang kita ketahui pada pemuluan tulisan ini amalan sambutan Maulud Nabi hanya lahir sa-lepas kurun ketiga Hijrah. Tetapi walau bagaimana pun para ulama dan Fuqahaul Islam berselisah pendapat dalam hal sambutan Maulud ini.

Menurut ulama-ulama besar termasuk ulama-ulama Mutakhirin dalam kalangan ulama Maliki berpendapat bahawa hukum sambutan Maulud itu ada-lah bida'ah yang di-chela. Alasan mereka ia-lah hal ini tidak terdapat di-dalam mana2 ayat2 Al-Quran atau pun Sunnah Nabi yang boleh mendo-kong perkara tersebut. Sambutan ini pada mula-nya hanya di-adakan oleh orang2 yang besar nafsu dari golongan Ba'thalun yang hanya mementingkan makan saja. Juga kata mereka hukum2 Islam hanya lima yang terbesar, dan hukum sambutan Maulud ini tidak terdapat dalam mana2 hukum yang lima itu.

Shaikhul Islam Hafizul 'Ashar' Abu Fadhl bin Hajar

pula berpendapat demikian: Hukum sambutan Maulud ada-lah bida'ah, kerana tidak pernah di-pinda dari Salaf yang saleh dari ketiga abad yang pertama dari Islam. Tetapi walau bagaimana pun sambutan Maulud Nabi ini mengandongi perkara2 yang baik2 sahaja sa-panjang yang di-ketahui. Alasan mereka untuk ini ia-lah dari kisah perkataan Nabi kepada kaum Yahudi yang melakukan puasa pada hari 'Ashura. Kalau mereka bershukur atas keselamatan Nabi Musa dari benchana tenggelam maka sudah tentu orang2 Islam lebih2 lagi bershukur dan bergembira atas lahir-nya sa-orang pemimpin dan utusan Tohan Yang Mulia dari segala makhluk.

Menurut Imam besar Jalaluddin as-Suyuthi dalam kitab-nya "Al-Hawi lil Fatawi" berpendapat seperti berikut: Ada pun asal Maulud itu ia-lah menghimpunkan manusia ramai dari semua golongan orang2 Islam, di-bachakan ayat2 Al-Quran kemudian di-cheritakan kisah Nabi Mohammad s.a.w. serta perjuangan Baginda, dan juga lahir-nya ugama Islam. Kemudian hadirin di-hidangkan makanan. Perbuatan seperti ini ada-lah termasuk dalam bida'ah hasanah, dan di-berikan pahala kepada yang melaksanakan sambutan tersebut.

Pendapat Imam besar ini sama-lah dengan pendapat Shaikhul Islam Hafizul 'Ashari Abu Fadhl bin Hajar tadi yang mengatakan bahawa sambutan Maulud ini hendak-lah di-bataskan kepada keshukuran kita atas lahir-nya Nabi s.a.w. sa-bagai utusan Allah dengan membacha Al-Quran dan memberi sedekah kepada fakir miskin dan menjamu makanan serta memberikan pujian ka-atas Nabi Mohammad s.a.w. untuk menggerakkan hati dalam berbuat baik dan beramal untuk hari akhirat. Saya rasa ini-lah maksud yang utama dalam sambutan Maulud di-mana2 dunia Islam walaupun berlainan keadaan suasananya negeri dan politik.

Kesan-kesan-nya

Mungkin sa-tiap Muslim dan bukan Muslim bertanya apakah kesan2 yang terdapat dari sambutan Maulud Nabi ini? Pada sisi orang2 Islam sambutan2 seperti ini tidak asing lagi bahkan ia-nya merupakan sa-bagai sesuatu yang utama lahir dari rasa cinta dan kasih umat Islam terhadap Nabi dan utusan Tohan s.a.w. Kesan yang besar ia-lah dari segi kerohanian dan jiwa orang2 Islam itu sendiri dimana ingatan2 dan ajaran2 dari pemimpin yang agong ini akan senantiasa di-ikuti oleh

umat Islam seluroh-nya. Disamping itu ikatan persaudaraan antara umat Islam di-seluruh pelusok dunia akan dapat di-rasakan seperti pertalian yang kukuh antara rantai2 yang kuat.

Kepenatan dan chuchuran keringat yang jatuh dari umat Islam pada hari keputeraan Nabi ini bukan-lah merupakan sesuatu yang sia2 tanpa faedah. Bahkan ia mengandongi suatu hikmat yang besar di-mana semangat yang membara dan keimanan yang tulen dari jiwa setiap umat Islam bersarang di-hati mereka.

Ini bersesuaian pula dengan pendapat Imam Al-Yafi'e Al-Yamanie yang berkata: Orang2 Islam yang mengadakan sambutan Maulud dan bersedekah kepada fakir miskin akan di-kumpulkan berserta ahli shorga pada hari kiamat.

Chita2 mengadakan sambutan Maulud ini sa-lain mendapat ganjaran dari Tohan maka di-sana maseh ada satu chita2 yang besar. Dengan ada-nya sharahan2 dan ingatan2 yang membangun untuk umat Islam akan terasa betapa besar-nya perjuangan Nabi Mohammad s.a.w. dalam menegakkan ugama Tohan. Dari itu juga kita dapat merasakan betapa ajaran2 Nabi yang mulia ini dapat meyakinkan kita betapa agong-nya Rasulullah di-sisi Tohan dan umat Islam. Inilah apa yang di-katakan sendiri oleh Nabi Mohammad s.a.w.:

"Sesungguh-nya aku di-utus untuk menyempurnakan peribadi yang utama."

Dengan ada-nya sambutan seperti ini di-mana semua golongan orang Islam mengambil bahagian maka kita akan terasa segala kekurangan atau kelemahan kita di-sisi bangsa2 lain di-dunia yang jauh lebih maju. Segala kekurangan dan kelemahan kita ini akan dapat di-atasi bersama andai-nya suara2 dari umat Islam sendiri bersatu seperti bersatu-nya mereka pada menyebutkan "Al-lahu Akbar" dan "Tiada Tohan sa-lain Allah dan Mohammad itu Pesuroh Allah!" Sebutan2 ini-lah yang sa-benar-nya menggerakkan umat Islam dalam perjuangan mereka.

Kelemahan2 dan kekurangan yang ada pada kita itu akan dapat kita atasi bersama walau pun berakhir sambutan2 Maulud sa-tiap tahun. Kerana bukan bererti berakhir-nya sambutan ini maka berakhir pula "Ukhuwatul Muslimin" atau apa yang di-katakan sa-bagai ikatan persaudaraan umat Islam pada sisi mereka bahkan sa-tiap sa'at dan sa-tiap detik ikatan persaudaraan umat Islam akan membara di-jiwa umat Islam. Dan ini bersesuaian pula dengan prinsip Islam itu bukan berupa indivi-

du bahkan sa-tiap kerat orang Islam mempunyai suara dan ka-bebasan. Prinsip ini-lah yang di-katakan Nabi s.a.w.: *"Sa-sa-orang daripada kamu tidak beriman sa-lagi ia tidak mengasehi saudaranya seperti ia mengasehi diri-nya sendiri."*

Juga bukan bererti sambutan Maulud akan dapat di-banggakan hanya dengan menonjolkan sepanduk2 dan chogan2 kata dari potongan ayat Al-Quran atau Hadis Nabi yang suci sedang di-dalam hati orang Islam sendiri mempunyai kotoran2 dan permusohan yang melukakan umat Islam. Ini-lah yang mesti kita bereskan terlebih dahulu sa-belum kita melangkah maju.

Dalam masa pembangunan dan maju umat Islam terpaksa-lah menchari segala kelemahan2 dan kekurangan mereka dari segala aspek. Kerana maju dan mundur-nya umat Islam ada-lah dari tindakan dan langkah umat Islam sendiri. Apabila kita dapat mengatasi keadaan2 ini maka barulah kita dapat berkata bahawa umat Islam bukan-lah umat yang mundur atau ketinggalan seperti yang terdengar sa-lama ini.

Sa-bagai umat yang pernah mengatasi kekuasaan Empire Rom, umat Islam akan senantiasa mengegarkan dunia dengan ajaran2 Al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w. kerana sa-lagi kedua2 sumbu ini kita pegang maka, sa-lagi itu-lah segala kuasa di-dunia ini tidak dapat menandingi kedua2 sumbu tadi. Jadi-nya dari sambutan Maulud ini dapat-lah kita mengambil kesimpulan bahawa perayaan itu hendak-lah di-jadikan sa-bagai langkah untuk senantiasa memperbaiki keadaan umat Islam di-samping mengingati pemimpin dan utusan Tohan yang agong.

Untuk menchapai chita2 dan tujuan Islam yang utama maka umat Islam menghadapi masa2 yang bergelora. Keadaan2 ini hanya dapat kita atasi ia-itu dari tangan umat Islam sendiri dan bukan dari tangan orang lain. Kita tetap dapat membereskan urusan kita sendiri dengan tidak ada champor tangan orang lain walau bagaimana keadaan-nya sekali pun. Semua-nya ini hanya dapat terchapai andai-nya keimanan dan keislaman umat Islam kukuh dan mereka menyedari kedudukan mereka yang sa-benar-nya. Ingat-lah apa firman Tohan: *"Berpegang-lah kamu dengan tali Allah dan jangan-lah berpecah-belah!"*

Bagi umat Islam di-Negeri Brunei Darus-Salam ini maka sambutan dan perayaan Maulud (atau yang berupa ka-Islaman) mempunyai erti yang besar dari apa yang kita khayalkan. Sambutan Maulud ini akan menyedarkan umat Islam di-negeri ini tanggung-jawabnya terhadap negara-nya. Dari sini-lah juga kita dapat mempertahankan diri kita sa-bagai benteng pertahanan dari pengkhianatan2 dan sabotaj terhadap Ugama, Bangsa dan Negara yang berdaulat!

Buku2 kajian:

1. Panatut Talibin.
2. Al-Madkhal Libnil Haj.
3. Peri Hidup Mohammad Rasulullah s.a.w.

18 ekor kambing telah di-bahagikan kepada peladang2 di-Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Jabatan Pertanian telah mula membahagikan kambing2 kepada peladang2 di-bawah ranchangan untuk memperbaiki ternakan binatang tersebut di-negeri ini.

Dalam pembahagian pertama itu, sa-banyak 9 pasang kambing telah di-serahkan kepada peladang2 di-Daerah Tutong.

Sa-banyak 37 pasang lagi sedang di-pelihara di-Ladang Ternakan Jerudong untuk di-bahagikan kepada peladang di-tiga buah daerah yang lain.

Dari jumlah itu, 20 pasang akan di-bahagikan kepada peladang2 di-Daerah Belait, 12 di-Daerah Brunei-Muara dan 5 pasang kepada peladang2 di-Daerah Temburong.

Jabatan Pertanian telah membawa masuk 92 ekor kambing, 16 daripada-nya betina dari Kedah, Malaysia Barat dengan maksud untuk memperbaiki dan menambahkan jumlah kambing yang ada sekarang di-negeri ini.

Sekarang ini terdapat hanya 600 ekor kambing di-seluruh negeri.

PEMBETULAN

BEBERAPA kesilapan telah berlaku dalam berita yang disiarkan di-muka dua dalam akhbar ini keluaran minggu lepas di-bawah tajuk "4,191 orang sedang menerima penchen tua."

Berita yang sa-betul-nya ada-lah seperti berikut:

"Jabatan Penchen2 Negara telah membayar sa-banyak \$87,570.00 dalam bulan Januari, 1969 sa-bagai Penchen2: Umor tua, Penchen bagi orang buta dan tanggungan-nya, bayaran pertolongan kerana orang2 tanggungan daripada orang sakit Kusta dan bayaran2 pertolongan kerana orang2 tanggungan gila.

Timbalan Pengawal Penchen2 Awang Mohsin bin Pukul berkata, sa-ramai 4,355 orang menerima penchen dan alaan dalam bulan Januari tahun ini.

Dari jumlah tersebut, 4,191 orang yang berumur lebih dari 60 tahun yang menerima penchen umur tua sa-banyak \$20.00 sa-bulan.

Awang Mohsin berkata, hanya terdapat sa-ramai 35 orang ahli tanggungan orang yang menghidap penyakit Otak, 17 orang ahli tanggungan orang menghidap penyakit Kusta dan 112 orang buta serta 68 orang ahli tanggungan buta yang menerima penchen dan alaan2 dari Jabatan itu."

Di-bawah ranchangan ini, peladang2 di-kehendaki menanda-tangani satu perjanjian dengan Jabatan Pertanian yang mana mereka hendak-lah menyerahkan anak kambing yang pertama yang di-lahirkan,

sama ada jantan atau betina kepada Jabatan Pertanian, untuk di-bahagikan kepada lain2 peladang di-negeri ini.

Gambar bawah menunjukkan pembahagian kambing2 itu sedang di-jalankan pada minggu lalu.



5,247 orang kanak2 sekolah di-beri suntukan cheghah kolera

BANDAR BRUNEI. — Rombongan2 penyuntik dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan, sekarang sedang menjalankan gerakan menyuntik beramai2, bagi mencheghah penyakit kolera di-sekolah2 di-Daerah Brunei/Muara.

Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Dr. Y.H. Paik berkata bahawa jabatan itu telah memulakan gerakan itu pada 12 Mei dan sa-takat ini rombongan2 itu telah menyuntik sa-ramai 5,247 orang kanak2 sekolah dari 21 buah sekolah di-daerah itu.

Dr. Paik berkata, menjelang 5 Jun rombongan2 itu akan selesai menyuntik semua kanak2 sekolah di-daerah itu.

Beliau berkata, sa-lepas itu rombongan2 itu akan menyuntik kanak2 sekolah di-Daerah Temburong sa-belum meneruskan gerakan-nya menyuntik kanak2 sekolah di-Daerah Tutong.

Sementara itu rombongan2 penyuntik jabatan itu juga memberikan booster dos kepada kanak2 sekolah yang berumur di-bawah sembilan tahun di-Daerah Brunei-Muara dalam kempen menentang penyakit lumpuh.

Dr. Paik berkata, kanak2 sekolah itu menerima dos2 per-

mulaan ubat sabine dalam tahun lepas.

Beliau berkata, sa-takat ini sa-ramai 1,045 orang kanak2 sekolah telah menerima booster dos sejak kempen itu disambungkan semula dalam minggu lepas.

Booster dos itu juga akan diberikan kepada kanak2 di-sekolah2 di-daerah2 Belait dan Tutong.

Dr. Paik berkata, kanak2 sekolah di-Daerah Temburong telah menerima dos2 sa-penoh ubat sabine itu dalam tahun lepas.

Lebih 1,000 penuntut kelas2 dewasa lulus berbagai peperiksaan

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran telah menchatetkan lebih dari 1,000 orang penuntut yang lulus dalam berbagai peperiksaan yang di-adakan di-Brunei tahun lalu.

Dari jumlah itu 733 orang lulus dalam pelajaran permulaan; 487 peringkat rendah dan yang lain-nya peringkat menengah.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, 12 orang penuntut telah lulus peperiksaan bahasa Jepun dan 16 lain-nya lulus peperiksaan

Ketua baru Kampong Bokok

TEMBURONG. — Kerajaan telah melantik Awang Osman bin Nayan sa-bagai Ketua Kampong Bokok yang baru.

Awang Osman ia-lah bagi menggantikan Awang Haji Malek bin Haji Sulaiman yang telah bersara.

Awang Osman telah di-pilih dalam satu pemilihan yang telah di-adakan dalam bulan Mach lepas.

Satu kenyataan Pejabat Daerah Temburong berkata, Awang Osman mula memegang jawatan itu dari 1 Mei lepas.

Jambatan baru untuk Kg. Wasan

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Daerah Brunei-Muara sedang membuat ranchangan untuk membena sa-buah jambatan kayu di-jalan kechil Kampong Wasan, Ulu Sungai Brunei.

Jambatan baru itu akan menggantikan jambatan lama yang di-bena oleh Pejabat Daerah kira2 sa-puluh tahun yang lalu di-bawah ranchangan kemajuan luar bandar di-daerah ini.

Jambatan baru itu ia-lah 40 kaki panjang dan 12 kaki lebar dan boleh di-lalui oleh kenderaan yang sederhana berat-nya dengan muatan tidak lebih dari sa-puluh tan.

Pejabat Daerah juga sedang melaksanakan pembenaan jalan dari Kampong Wasan ka-Kampong Batang Mitus di-Daerah Tutong. Jalan2 baru itu akan menghubungkan jalan2 kechil yang ada sekarang di-antara Kampong Wasan dan Kampong Batang Mitus.

Apabila jalan itu siap nanti, penduduk2 di-kawasan Ulu Sungai Brunei boleh pergi ka-Lamunin dan lain2 tempat di-Daerah Tutong dengan menggunakan jalan raya melalui Kampong Batang Mitus.

bahasa China.

Lain2 peperiksaan termasuk-lah bahasa Melayu bagi orang2 bukan Melayu, menaip, trengkas, ilmu menyimpan buku kira2, Sijil 'Am Pelajaran dan Sijil Persekolahan Seberang Laut.

Sa-ramai 25 orang penuntut lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Lima puluh enam orang penuntut lulus Sijil Rendah Pelajaran; 105 lulus peperiksaan menaip dan enam belas trengkas.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penolong Nadzir Sekolah2 Negara

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai untuk memenohi jawatan Penolong Nadzir Sekolah2 Negara di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 hendak-lah mempunyai Ijazah Honours daripada universiti yang di-akui serta latehan professional. Mereka hendak-lah mempunyai pengalaman mengajar sekurang2-nya sa-lama 10 tahun. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang boleh menjalankan pemereksaan ka-atas kedua2 sekolah aliran Melayu dan Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B\$1100 x 40 - 1620/EB/1670 x 50 - 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan yang permulaan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-

kenakan di-negeri Brunei. Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada

Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 19 Jun, 1969.

Juru Teknik Pelajaran Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam jawatan tetap bagi jawatan Juru Teknik Pelajaran Kesihatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan D.4 \$500 x 20 - 620.

- (1) Chalun2 mesti-lah raayat atau pun berhak di-daftarkan sa-bagai Raayat D.Y.M.M. Sultan.
- (2) Mesti-lah lulus L.C.E. (aliran Inggeris) atau pun yang sebanding dengan-nya.
- (3) Mesti mahir berchakap dalam bahasa Melayu dan boleh berchakap dengan terang, terutama sekali di-hadapan kumpulan orang ramai atau pun di-pertemuan2 yang di-ator-kan di-sekolah2.
- (4) Mesti berumur di-antara 20 hingga 30 tahun.
- (5) Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Perubatan2 dan Kesihatan dan Perkhidmatan Penerangan Awam, serta bersedia untuk pergi ka-mana2 saja dalam negeri apabila di-kehendaki.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 su-

lit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Jun, 1969.

Pegawai Kastam

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa dariapda chalun2 yang menjadi Raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai Raayat D.Y.M.M. Sultan, bagi jawatan2 Pegawai Kastam di-Jabatan Kastam, Brunei.

Kelayakan2:

Lulus Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding. Mengetahui Bahasa Melayu.

Umor:

Di-antara 18 tahun dan 28 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$210 x 10-270 x 15 - 315/Exam/330 x 15-360 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620.

Pemohonan2 daripada pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan Chatetan2 Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 2 Jun, 1969.

Sa-bagai Juru

Trengkas

Melayu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dalam jawatan tetap bagi memenohi jawatan Juru Trengkas Melayu di-Jabatan Muzium, Brunei.

Gaji:


Dalam sukatan gaji D.3 EB 4 — \$380 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 yang berikut di-kehendaki memohon:—

Pemohon2 mesti-lah boleh menulis tulisan trengkas Melayu sa-laju sekurang2-nya 80 perkataan sa-minit dan boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan sa-minit.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Jun, 1969.



Jalan baru K.B./Seria sedang di-bena

KUALA BELAIT — Jabatan Kerja Raya sekarang sedang membena sa-batang jalan sepanjang empat batu untuk menghubungkan Jalan Tengah di-Batu Lima Jalan Seria—Brunei dengan Jalan Setia Raja/Jalan Setia Pahlawan di-Kuala Belait.

Apabila siap nanti jalan itu boleh di-gunakan sa-bagai jalan pengganti dari Seria ka-Kuala Belait dan sa-balek-nya.

Jabatan Kerja Raya memulakan kerja membena jalan yang melalui kawasan paya pada akhir tahun 1966 dan sejak itu telah menjalankan kerja menembok dengan pasir.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait berkata, sebab bagi membena jalan itu ia-lah untuk membuka jalan bagi perkembangan di-kawasan paya itu.

Juruchakap itu berkata, Jabatan itu juga menjalankan penyiasatan bagi menentukan peraliran ayer di-paya itu.

Beliau berkata, sa-baik2 sahaja masalaah ini di-atasi jabatan itu kemudian-nya akan membuat tawaran untuk mendapatkan pemborong untuk memperbesarkan lagi jalan itu kepada lebar yang di-tetapkan.

Juruchakap itu menyatakan bahawa jabatan itu hampir2 menyelesaikan kesulitan itu.



Dayang Malai Hasnah sedang menerima hadiah daripada Awang Abd. Hamid, Nadzir Sekolah2 Uagama Daerah Belait.

50 ekor lagi lembu betina di-impot dari Malaysia Barat

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian telah meng-impot sa-banyak 50 ekor lagi lembu dari Kedah, Malaysia Barat untuk di-pelihara.

Lembu2 itu tiba dalam minggu lepas dan sekarang berada di-Ladang Ternakan

Binatang Jerudong di-bawah jagaan kaki-tangan haiwan jabatan itu.

Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam ketika menyatakan tentang ketibaan lembu2 betina itu berkata, mereka akan di-kahwinkan dengan lembu2 jantan jenis Santa Gertrudis dan anak2 mereka nanti akan di-bahagi2kan kepada peladang2 di-seluruh negeri di-bawah ranchangan untuk memperbaiki lagi ternakan lembu tempatan.

Jabatan itu dalam tahun lepas telah mengimpot dari Australia enam ekor lembu Santa Gertrudis — empat ekor betina dan dua ekor jantan — sa-bagai binatang ternakan.

Sa-ekor dari untuk di-kahwinkan kepada lembu2 betina Santa Gertrudis, lembu2 jantan Santa Gertrudis itu juga di-kahwin dengan 14 ekor lembu betina dari Kedah yang di-impot oleh jabatan itu tahun lepas.

Pada masa ini ada terdapat kira2 2,800 ekor lembu di-seluruh negeri ini.

Kebanyakan dari binatang2 ini ada-lah jenis yang kurang baik di-sebabkan oleh jagaan dan pemeliharaan yang tidak sempurna.

gunaan baja.

Kemudian-nya peladang itu telah melawat pusat pertanian Jerudong dan pusat Pertanian Sharikat Minyak Shell di-Sinaut.



KILANAS. — Sa-ramai 38 orang peladang termasuk sembilan orang perempuan dari Kampong Sungai Damit Pemadang di-Daerah Tutong telah melawat Pusat Pertanian Kilanas pada hari Isnin lepas (gambar atas).

Peladang2 itu ia-lah — ahli2 Persatuan Peladang Kampong Sungai Damit Pemadang telah menamatkan kursus pertahnian yang di-adakan oleh Jabatan Pertanian di-kampung mereka sa-lama sa-minggu.

Di-pusat itu mereka telah di-tunjukkan chara2 menanam padi dan memelihara ikan, penternakan ayam, menchantom tanaman2 dan menchegeh penyakit tanam2an serta peng-

GPPS menangi perlawanan bola enam sa-pasokan

PEKAN TUTONG — Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela, Tutong telah memenangi perlawanan bola sepak anjoran Persatuan Melayu Keriam yang berlangsung di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim pada hari Ahad lepas.

Tempat yang kedua telah di-menangi oleh Persatuan Melayu Luagan Dudok.

Sa-banyak tujuh buah pasokan yang mewakili persatu-

an2 belia dan sekolah2 di-Daerah Tutong telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Perlawanan itu telah di-anjorkan sa-bagai sa-bahagian dari ranchangan untuk meraikan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-Daerah itu.

Pemilehan wakil2 ka-peraduan Barzanji perangkat negeri

BANDAR BRUNEI. — Daerah2 Brunei/Muara, Belait dan Tutong telah memilih wakil2 mereka ka-peraduan membacha berzanji perangkat negeri yang akan di-adakan di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin pada 2 Jun hadapan.

Peraduan tersebut ada-lah salah satu acara yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Uagama bagi menyambut hari keputeraan junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. pada tahun ini.

Daerah Brunei-Muara telah memilih empat orang wakil — dua orang lelaki dan dua orang perempuan — dalam satu peraduan yang telah di-langsungkan di-Madrasah Jabatan Hal Ehwal Uagama, Bandar Brunei pada malam Jumaat lepas.

Mereka ia-lah Awang Mu-kim bin Awang Hassan, Awang Damit bin Haji Kawang, Dayang Norsiah bte. Ahmad dan Dayang Aisah bte. Begawan Mudim Haji Adnan.

Daerah Belait akan di-wakili oleh dua orang — sa-orang lelaki dan sa-orang perempuan.

Mereka ia-lah Awang Abu Bakar bin Haji Paun dan Dayang Malai Hasnah bte. Malai Yahya.

Pemilehan wakil2 daerah itu telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Kuala Belait pada hari Sabtu 24 Mei lepas.

Pada hari itu juga Pejabat Uagama Daerah Tutong telah mengadakan peraduan berzanji bagi memilih wakil ka-peraduan perangkat negeri ini.

Dalam peraduan itu Awang Yusof bin Donglah dan Dayang Rubiah bte. Haji Jawi telah di-pilih untuk mewakili daerah itu.

Daerah Temburong juga akan menghantar dua orang wakil — sa-orang lelaki dan sa-orang perempuan ka-peraduan itu.

Ia-nya telah di-rasmikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Seri Laila Jasa Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin.

Pegawai Daerah Tutong Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh telah menyampaikan hadiah2 di-akhir perlawanan itu.